

Ruj. Kami : KUDR/TTDC/B/09/24/0056 ()
Tarikh : 8 Oktober 2024

Jurutera Daerah,
JKR Daerah Kinta,
Jalan Charleton, Taman Cherry,
30100 Ipoh
Perak Darul Ridzuan
(u.p: Bahagian Jalan)

COPY



Tuan,

**PROJEK / KERJA : CADANGAN PEMASANGAN INFRASTRUKTUR
TELEKOMUNIKASI DAN KABEL FIBER OPTIK UNTUK
MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN TELEKOMUNIKASI KEPADA
UNIVERSITI TEKNOLOGI PETRONAS 32610 SERI ISKANDAR
PERAK DARUL RIDZUAN-MYRENUTP**

PERKARA : PERMOHONAN IZIN LALU

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa TT dotcom Sdn Bhd akan menjalankan kerja pemasangan utiliti bagi **Infrastruktur Telekomunikasi Dan Kabel Fiber Optik Untuk Menyediakan Perkhidmatan Telekomunikasi Kepada Universiti Teknologi Petronas, di Jalan Persekutuan Lebuhraya Ipoh-Lumut FT 5 sepanjang 105 meter.**

3. Sehubungan dengan itu, pihak kami ingin membuat Permohonan Izin Lalu bagi melaksanakan kerja ukur tanah (sempadan ROW), cerapan data bagi Pemetaan Pengesanan Utiliti (UDM) dan penandaan jajaran utiliti di kawasan terlibat. Bersama-sama ini dikemukakan dokumen-dokumen sebagaimana berikut:

- (i) Pelan Cadangan laluan utiliti yang menunjukkan sempadan ROW jalan Persekutuan dan lot tanah bersebelahan.
- (ii) Kaedah pemasangan utiliti mengikut cadangan laluan.
- (iii) Gambar-gambar lokasi.
- (iv) Tarikh jangka mula **28 Oktober 2024** dan jangka siap **18 November 2024** (kerja ukur, cerapan data UDM dan penandaan di kawasan terlibat). Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan berhubung perkara di atas, sila hubungi pegawai kami, **Encik Wan Mohd Fakrullah Bin Wan Mohd Fakri** di talian **017-9076802** untuk keterangan lanjut.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

(HASNITA BINTI MUSA@AMINDOLLAH)
Pengurus Koridor Negeri
Koridor Utiliti Darul Ridzuan
OPSI/07102024/Koridor/Wan





Ruj. Kami : KUDR/TTDC/B/09/24/0056 ()
Tarikh : 8 Oktober 2024

**PROJEK / KERJA : CADANGAN PEMASANGAN INFRASTRUKTUR
TELEKOMUNIKASI DAN KABEL FIBER OPTIK UNTUK
MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN TELEKOMUNIKASI KEPADA
UNIVERSITI TEKNOLOGI PETRONAS 32610 SERI ISKANDAR
PERAK DARUL RIDZUAN-MYRENUPT**

PERKARA : PERMOHONAN IZIN LALU

Salinan kepada:

Pengarah JKR Negeri
Jabatan Kerja Raya Negeri Perak Darul Ridzuan,
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,
30000 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan
(U.p.: Jurutera Awam Penguasa Jalan)

